

# PM dukacita laporan akhbar

UM 27 DEC 2011

PUTRAJAYA 26 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa dukacitanya terhadap tindakan sebuah akhbar menyiarkan berita semalam kononnya ada percubaan untuk membunuh beliau dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Saya berasa sedih dan dukacita ada orang membuat laporan yang sensasi yang akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, berikutan laporan itu, orang asing kini akan berpendapat bahawa di Malaysia terdapat pengganas yang menjadikan seseorang itu sasaran mereka.

“(Sedangkan) ini bukan keadaan di Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk RTM di pejabatnya di sini.

Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri tidak mendapat sebarang maklumat mengenainya dan sepatutnya akhbar berkenaan memberitahu polis terlebih dahulu mengenai sebarang komplot membunuh sesiapa sebelum menyiarkan laporan.

Adalah menjadi tanggungjawab akhbar itu untuk memberitahu polis dan bukannya menjadi tanggungjawabnya pula untuk mensensasikan berita bila tidak ada bukti yang kukuh, katanya.

Di **Kuantan**, Abdullah berkata, beliau menyerahkan kepada polis untuk membuat siasatan terhadap dakwaan tersebut.

“Oleh kerana perkara itu telah dilaporkan di akhbar, maka ia dianggap satu maklumat yang perlu disiasat,” katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang hari ini.

Sementara itu akhbar berkenaan, *The Sun*, ketika dihubungi memberitahu bahawa Ketua Pengarang Beritanya, Robert Ho telah dipanggil berjumpa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Aseh Che Mat mengenai perkara itu.

Polis pula telah mengambil keterangan daripada dua wartawan akhbar *The Sun* untuk membantu siasatan berhubung laporan terbabit.

Kedua-dua wartawan itu telah dipanggil oleh polis Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang hari ini untuk membantu polis.